



**POKOK** dianggar bernilai RM200,000 dirampas.

## Gagal cubaan seludup pokok

**Johor Bahru:** Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Johor berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk dua lori membawa muatan pokok bernilai RM200,000 dengan penahanan kenderaan itu jam 5.50 petang kelmarin.

Dua lori bersama dua pemandunya yang berusia 40-an ditahan di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (KIK), Bangunan Sultan Iskandar (BSI) di sini.

Penolong Pengarah MAQIS Johor Siti Nur Ahmad berkata, kemasukan pokok itu sudah lama diperhatikan dan hasil kerjasama dengan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), dua lori itu berjaya dikesan.

“Pemeriksaan melalui mesin pengimbas memaparkan imej pokok di dalam lori terbabit.

“Lori terbabit membawa ‘ornamental plant’ bersama tanah yang menyalahi Peraturan Kuarantin 1981 yang mana kemasukan pokok ini memerlukan permit daripada Jabatan Pertanian yang menetapkan beberapa syarat yang perlu dipatuhi pengimport,” katanya.

Siti Nur berkata, pokok terbabit diimport dari China dan dibawa masuk melalui Singapura ke Malaysia.

“Nama saintifik pokok terbabit masih belum dikenal pasti dan pemeriksaan sedang dijalankan. Ini rampasan terbesar yang direkodkan MAQIS Johor di BSI bagi tahun ini,” katanya.